

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 09 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan: -

- (a) apakah justifikasi pihak Kerajaan memberikan kuasa kepada PIBG sekolah vernakular bagi menentukan keizinan pelaksanaan pembelajaran tulisan jawi yang melibatkan murid Darjah 4 tahun 2020; dan
- (b) langkah Kementerian memperkasa tulisan jawi sebagai warisan sejarah negara dalam kalangan murid berbilang bangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pengenalan tulisan Jawi dilaksanakan sebagai pengisian tambahan dalam aspek seni penulisan/ bahasa dan untuk memperkaya murid dengan pengetahuan mengenai seni, warisan dan sejarah bahasa Melayu. Pengisian ini dilaksanakan melalui pembelajaran di dalam buku teks Bahasa Melayu Tahap II. Tulisan Jawi dilaksanakan melalui semakan semula Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi murid Tahap II yang bermula dengan melibatkan Tahun 4 pada tahun 2020, Tahun 5 pada tahun 2021 dan Tahun 6 pada tahun 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019 memutuskan supaya pengenalan tulisan Jawi diteruskan bagi semua sekolah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dengan syarat dilaksanakan hanya jika dipersetujui oleh Persatuan

Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta ibu bapa dan murid SJK berkenaan. Perkara ini selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa Guru) 1998, iaitu tujuan persatuan adalah untuk mengadakan sesuatu forum dan perkhidmatan bagi kebajikan dan kemajuan murid-murid dalam sekolah. PIBG juga memberi peluang kepada ibu bapa dan guru dalam sekolah berunding untuk memperbaiki taraf pendidikan anak-anak mereka.

(b) KPM telah melaksanakan pelbagai langkah bagi memastikan tulisan jawi sebagai sejarah warisan negara terus diperkasakan dalam kalangan murid berbilang bangsa. Antara langkah tersebut adalah seperti berikut iaitu:

1. memperkenalkan aspek seni bahasa dalam kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu (KSSR) Tahap II iaitu Tahun 4 bermula tahun 2020;
2. menyelaraskan sistem ejaan jawi melalui pengemaskinian Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu yang lengkap dengan daftar kata sebagai rujukan;
3. menyediakan ruang penulisan tulisan Jawi dalam majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) seperti Tamadun Islam, Tunas Cipta, Dewan Pelajar dan lain-lain yang boleh disebarluaskan kepada semua murid pelbagai kaum;
4. menghasilkan bahan ilmiah dalam tulisan Jawi seperti Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi, Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu, Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi dan Panduan Menulis dan Mengeja Jawi;
5. menjalankan kajian berteraskan tulisan Jawi dalam manuskrip lama dari sudut kebahasaan dan kesusastraan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat;
6. melantik Munsyi Dewan (Jawi) dalam kalangan penggiat tulisan Jawi. Sehingga kini, terdapat seramai 51 orang telah dilantik sebagai Munsyi Dewan (Jawi);

NO. SOALAN : 43

7. melaksanakan program dan klinik Jawi seperti Kursus Pembinaan Munsyi Dewan (Jawi) dan Kursus Pengkaedahan Jawi Guru KAFA;
8. menyediakan khidmat penyemakan dan pengesahan ejaan tulisan Jawi;
9. menjalinkan kerjasama dengan Majlis Dakwah Negara (MDN), dengan menubuhkan Panel Memperkasa Tulisan Jawi yang bertujuan menyatukan institusi, pertubuhan dan pihak yang berusaha memartabatkan penggunaan tulisan Jawi di negara ini;
10. memperkenalkan pengajaran dan pembelajaran tulisan jawi dalam kurikulum pendidikan Islam sejak pelaksanaan KBSR pada tahun 1982 dan diteruskan lagi dalam pelaksanaan KSSR semakan;
11. memperkenalkan Kelab Jawi dan Khat di sekolah sejak tahun 2008 melalui Surat pekeliling Ikhtisas Bilangan 1 Tahun 2008 berkaitan Penubuhan Persatuan Bahasa Arab dan Kelab Jawi dan Khat di Sekolah Rendah yang Melaksanakan Program j-QAF.

Sekian, terima kasih.